

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BOLEH TUI SEAWAL LAPAN BULAN, DALAM NEGERI, UM -11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2. 3. 4.	KELAH BIRU SPESIES ISTIMEWA ENDAU ROMPIN, K2, KOSMO -19 KEUNIKAN KELAH BIRU JANA PENDAPATAN TINGGI, K2, KOSMO -20 TERNAK SEBAGAI INISIATIF PEMULIHARAAN, K2, KOSMO -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7.	TERNAK KHINZIR PUNCA SUNGAI TERCEMAR, SENTRAL, BH -62 EXCO: P.D. RIVER POLLUTED BY PIG, FROG FARMING, NEWS / NATION, NST -12 VETERINARY DEPT LOOKING INTO CAUSE OF RIVER POLLUTION, NATION, THE STAR -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	MAZLAN: DISSATISFACTION IS TEMPORARY, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
9. 10. 11.	MUSANG KING, VANILA ALTERNATIF TAMPUNG KEJATUHAN NILAI SAWIT, DALAM NEGERI, UM -11 TANAH TERBIAR PERLU REFORMASI, NEGARA, KOSMO -10 NAVY INTERCEPTS VIET FISHING TRAWLER, NATION, THE STAR -8	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Boleh tuai hasil seawal lapan bulan

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 MEI

TANAMAN hiliran seperti durian Musang King, halia Bentong dan pokok vanila mampu memberi pulangan kepada peneroka Felda seawal lapan bulan atau dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, halia Bentong boleh dituai dalam tempoh lapan hingga 10 bulan selepas ditanam, manakala vanila berbunga selepas tempoh dua tahun selain mempunyai harga yang tinggi iaitu RM1,000 hingga RM1,800 sekilogram.

Menurut beliau, durian Musang King pula akan membuahkan hasil dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

“Vanila, penanaman dan pemrosesannya agak rumit. Ia perlu didebungakan secara manual dan memproses buah juga agak rumit. Halia Bentong pula lebih mudah diurus kecuali ada sedikit masalah serangan penyakit.

“Pada pendapat saya, ia merupakan inisiatif yang baik kerana tujuannya adalah untuk pendapatan sampingan atau tambahan kepada peneroka. Maknanya, peneroka masih mengusahakan tanaman asal iaitu sawit dan tiga tanaman tersebut sebagai tambahan atau sampingan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman bahawa tiga produk pertanian iai-



ABDUL SHUKOR JURAIMI

tu durian Musang King, halia Bentong dan vanila akan di tanam di Felda Lurah Bilut, Pahang yang merupakan tanah rancangan pertama negara.

Katanya, pada peringkat permulaan, durian Musang King akan ditanam di kesemua kawasan rumah peneroka manakala

halia Bentong dan vanila ditanam secara berkelompok.

Penanaman vanila pula akan diusahakan secara berkelompok oleh Peladangnita Felda Lurah Bilut dan penanaman halia dimulakan di kawasan seluas 0.4 hektar oleh Peladang Muda Felda Lurah Bilut.

“Tetapi, saya agak skeptikal untuk ketiga-tiga tanaman ini boleh menggantikan kelapa sawit sebagai komoditi utama negara,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2019	KOSMO	K2	19



K2

MENYELAMI HIDUP ANDA

Kosmo!

• SELASA 14 MEI 2019



KELAH BIRU SPESIES ISTIMEWA ENDAU ROMPIN

> Lihat muka **20 & 21**

RENCANA
UTAMA

IKAN kelah biru mempunyai sisik dan sirip kebiruan.



AHMAD FARIS (kiri) bersama pekerjaanya melakukan pemeriksaan terhadap ikan kelah biru yang dibiak dalam kolamnya.



IKAN kelah biru ditenak di dalam kolam.

Keunikan kelah biru jana pendapatan tinggi

Kelah biru yang lazim dijadikan ikan hiasan begitu istimewa dan bernilai tinggi kerana ia jarang ditemui di dunia serta dipercayai buat masa ini hanya wujud di Endau Rompin, Johor.

KEBANYAKAN pencinta dan pemburu ikan air tawar yang menjadikan hidupan itu sebagai ikan hiasan pasti tidak akan melepaskan peluang untuk memelihara ikan yang menarik seperti kelah biru.

Namun, ikan kelah biru atau *Tor tambroides* hakikatnya jarang sekali ditemui kerana begitu istimewa secara geografi. Di dunia ini, taburannya dipercayai hanya boleh didapati di hulu sungai di Taman Negara Endau Rompin, Johor.

Berbeza dengan ikan kelah merah (*Tor tambroides*), ia boleh didapati di Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak, selain Johor serta negara-negara di Asia Selatan.

Disebabkan kesukaran mendapatkannya telah mendorong Ahmad Firdaus Wahab, 27, mengambil inisiatif untuk menjualnya sebagai ikan hiasan air tawar tropika. Perniagaan itu mampu menjana pendapatan lumayan berikutan nilainya yang boleh mencecah ribuan ringgit di pasaran tempatan.

"Sejak tiga tahun lalu, saya mengusahakan peniagaan ikan kelah biru, rata-rata peminat ikan digelar Raja Sungai ini amat meminatinya untuk

dipelihara sebagai hobi kerana ia suatu yang unik dan sukar ditemui berbanding ikan kelah merah.

"Sambutan dan permintaan terhadap ikan ini begitu menggalakkan sehingga saya mampu menjual antara 100 hingga 200 ekor dalam tempoh dua bulan," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Selanjutnya, Ahmad Firdaus dari Kota Bharu, Kelantan pasti akan ke kawasan perumahan tanah lot di Jalan Tuhanal Kampung Air Merah, Mersing, Johor bagi mendapatkan bekalan stok ikan kelah biru tersebut sekurang-kurang dua bulan sekali daripada pengusaha ternakan ikan itu.

Ikan kelah biru bersifat unik kerana sisik dan siripnya yang berwarna kebiruan.

Hidupan itu bagaikan membawa tuah kepada pengasas syarikat Far East Planet Exotic Agrofarm Sdn. Bhd. (Far East Planet), Mohd. Hanafi Awang yang telah mula mengusahakan ikan kelah biru sejak tahun 2012 lagi.

Pada awalnya, Mohd. Hanafi, 56, membiak 100 ikan kelah biru, selain merah di sebuah kolam simen bermodalkan RM350,000 dalam kawasan kolam berkeluasan 70 meter persegi di kawasan seluas 0.3 hektar.

"Selepas enam bulan ditenak, seekor pun tidak mati dan ini saya anggap satu kejayaan.

"Pada tahun 2014, saya menubuhkan syarikat Far East Planet yang menjadi penggerak projek berkenaan. Selain ternakan ikan, syarikat tersebut juga

mengusahakan kedai haiwan peliharaan dan kafeteria," ujarnya.

Dia yang juga anak seorang nelayan memberitahu, sehingga kini, sebanyak 22 buah kolam ikan kelah biru diusahakannya dengan peningkatan modal kepada RM700,000. Projek penternakannya turut mendapat bantuan dari Jabatan Perikanan Negeri Johor menerusi geran-geran tertentu.

Lay

Menurutnya, ikan-ikan kelah biru itu diperoleh dari Endau Rompin sebelum ditenak di kolamnya di Mersing. Di Asia, ikan ini buat masa ini disahkan hanya wujud di Endau Rompin manakala belum terdapat penemuannya di negara-negara lain di dunia.

Jelasnya, kelah biru dijual mengikut saiz berbanding berat kerana bilangannya yang agak terhad.

Biasanya ikan yang bersaiz 12 inci atau 30.48 sentimeter (sm) berharga RM1,500 seekor.

Katanya, kelah biru bersaiz antara 15.24sm hingga 30.48sm mendapat permintaan paling tinggi kerana ia sesuai dan cantik diletak dalam akuarium.

Jelasnya, ikan kelah biru yang ditenak secara komersial itu turut diekspor ke negara jiran seperti Singapura. Namun, dia masih belum berupaya untuk memenuhi permintaan pasaran negara Asia Timur seperti China dan Hong Kong akibat permintaan yang tinggi itu.

Permintaan tinggi adalah disebabkan keunikan yang terdapat pada sisik dan



AHMAD FIRDAUS



MOHD. HANAFI



AHMAD FARIS



PETA Lokasi Taman Negara Endau Rompin, Johor.

RENCANA
UTAMA

INFO Ikan kelah

- Juga dikenali sebagai ikan kap dalam keluarga *Cyprinidae* yang bersisik besar
- Terdapat tiga jenis spesies kelah di Malaysia: *For tambra* (biasa), *For tambroides* (kelah merah) dan *For duoroneis* (kelah biru)
- Kelah merah wujud di Semenanjung Malaysia antaranya di Pahang, Terengganu dan Kelantan
- Kelah biru hanya terdapat di Semenanjung Malaysia khususnya di Endau Rompin, Johor
- Di Sabah, ikan kelah juga digelar sebagai pelan sementara empurau merupakan gelaran ikan kelah merah di Sarawak
- Ikan kelah secara tipikalnya mendiami sungai dan tasik. Ia berlagar di kawasan dasar yang berbatu dan berkayu sebagai tempat berlindung di kawasan hilir sungai. Terdapat juga yang memilih untuk berlindung di kawasan yang lebih luas dan dalam
- Kelah biru yang bersaiz 12 inci (30.48 sentimeter) dijual pada harga RM1,500 seekor berbanding kelah merah berharga RM600 hingga RM900 yang bersaiz 45.72cm



TAMAN Negara Endau Rompin, Johor dipercayai merupakan satu-satunya habitat kelah biru di dunia.

siripnya yang berwarna kebiruan berbanding ikan kelah merah dan ikan kelah golden masheer.

Katanya, ia juga mendapat permintaan yang tinggi bagi industri perhotelan dan restoran makanan mewah bagi tetamu kenamaan.

Bahkan mengikut kepercayaan dan adat sesetengah masyarakat Cina, ikan kelah biru turut dipersembahkan kepada Maharaja bagi mendapat daulat selain melambangkan kekayaan dan membawa tuah.

Pulihara

Dalam pada itu, Mohd. Hanafi mengakui, ikan kelah biru perlu terus dipulihara kerana ia sebenarnya amat bernilai sebagai mutiara tropika di negara ini.

Menjadi impiannya untuk membangunkan projek mengkomersialkan ikan kelah biru itu kerana nilainya yang sangat tinggi, sama seperti arowana dan sarang burung di samping membantu pengusaha tempatan serta pelajar-pelajar dalam penyelidikan bidang berkenaan.

"Saya juga ingin menyelamatkan spesies kelah biru demi kesinambungan penternakan ikan kelah di negara ini yang semakin berkurangan disebabkan pelbagai faktor seperti pembalakan serta pemburuan menggunakan bom di sungai yang mengancam habitat ikan kelah.

"Sekarang pun saya bersama Institut

Penyelidikan Perikanan (FRI) Gelami Lemi di Kuala Klawang, Negeri Sembilan sedang membuat penetasan benih kelah dan hasilnya nanti separuh akan diasuh di kolam saya dan separuh lagi akan diserahkan kepada Jabatan Perikanan untuk dilepaskan ke habitat asalnya," ujarnya.

Permintaan peminat kelah biru sebagai ikan hiasan turut menarik minat anaknya, Ahmad Faris Mohd. Hanafi, 25, yang menjadikannya sebagai salah satu kerjaya bagi memperoleh pendapatan lumayan.

Seawal pukul 9 pagi setiap hari, Ahmad Faris banyak meluangkan masa bagi memeriksa keadaan paras suhu air serta memberi makan ke setiap kolam ternakan ikan kelah biru.

Bermula sebagai hobi, Ahmad Faris yang menceburi bidang itu usai

menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia menyatakan ikan kelah biru boleh ditenak di dalam kolam, tidak semestinya menggunakan air sungai semata-mata.

"Ikan tersebut sesuai dibiak pada kadar suhu antara 28 hingga 30 darjah Celsius di dalam setiap kolam menggunakan air paip di hadapan laman rumahnya.

"Makanan berbentuk pelet jenama Cargill menjadi pilihan diet ikan kelah biru untuk pembiakannya dengan kira-kira 500 hingga 1,000 ekor benih ikan mendiami setiap kolam.

Kesihatan

Dedah anak jati kelahiran Mersing, Johor itu, pemilihan pelet yang berkualiti juga amat penting bagi pembiakan kelah biru, di mana sebanyak 28 peratus kandungan protein pelet dapat membantu tumbesaran ikan kelah yang normal.

Tuntasnya, ikan kelah biru dewasa boleh mencapai berat maksimum iaitu 15 kilogram dengan jangka hayatnya boleh mencecah antara 40 hingga 50 tahun, tetapi ia sangat sukar ditemui.

Tambahnya, sifat lincah ikan kelah yang bergerak secara kumpulan turut memudahkannya mengenal pasti status kesihatan ikan di dalam kolam pembiakan.

Seperti ikan air tawar yang lain, ikan kelah juga tidak terkecuali daripada mengalami penyakit bintik-bintik putih pada tubuhnya apabila berlakunya perubahan Monsun Barat Daya ke Monsun Timur Laut yang bermula dari bulan November ke Mac.

Justeru, sebagai langkah merawatinya, dia akan mengasingkan ikan kelah biru yang dijangkiti penyakit di sebuah kolam khas dengan meletakkan garam pada kadar tertentu demi memastikan kesihatan ikan tersebut berada pada tahap yang baik.



Ternak sebagai inisiatif pemuliharaan

PERKEMBANGAN teknologi moden dalam industri penternakan ikan air tawar dapat meningkatkan pembiakan ikan kelah biru bagi memenuhi permintaan peminat ikan yang bernilai tinggi itu.

Hal ini dibuktikan apabila pengusaha di Mersing, Johor dapat membiak ikan kelah biru dengan menggunakan kolam simen yang bersumberkan air paip untuk menjana pendapatan menguntungkan.

Perkara itu diakui sendiri oleh



ZAMANI

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Zamani Omar yang menyifatkan ikan kelah biru berpotensi tinggi untuk dipasarkan sebagai ikan hiasan ke luar negara meskipun berbeza iklim.

"Justeru, ikan kelah yang menjadi khazanah alam amat penting dipulihara daripada terus mengalami kepupusan akibat pencemaran sungai yang membuatkan tempatnya untuk bertelur terganggu.

"Jadi, dengan wujud pengusaha industri ternakan

ikan kelah ini, maka baka ikan dan pembenihannya dapat dipertingkatkan dengan kualiti lebih baik untuk dieksport ke luar negara," ujarnya.

Program kesedaran juga perlu disemai dalam kalangan orang ramai supaya tidak menangkap atau memancing ikan yang sedang bertelur atau melalui musim mengawan.

Di samping itu, pihaknya juga sedang memperincikan beberapa perkara di dalam undang-undang berhubung perikanan untuk penambahbaikan agar tidak hanya melibatkan tangkapan ikan marin di laut tetapi juga

di sungai seperti yang telah dilaksanakan negara-negara di Eropah.

Jelasnya, mereka di sana juga mempunyai undang-undang khusus untuk tidak membenarkan memancing ikan pada musim mengawan atau bertelur.

Mengulas mengenai khasiat ikan kelah secara umumnya, ia kaya dengan sumber asid amino termasuk asid glutamic, proline, glycine dan lain-lain.

Dengan pengambilannya sebagai makanan tambahan dapat menggalakan pertumbuhan dan penyembuhan tisu.

Ternak khinzir punca sungai tercemar

➔ Penduduk buat aduan pembuangan enap cemar berminyak

riksaan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri di lokasi selepas menerima aduan mengenai pencemaran sungai itu pada 31 Mac lalu.

Katanya, penduduk setempat yang membuat aduan memaklumkan mengenai pembuangan enap cemar berminyak yang dikatakan datang daripada sebuah premis penapisan minyak di lokasi terbabit, menyebabkan pencemaran sungai berlaku.

Oleh **Azzman Abdul Jamal**

azzman@bh.com.my

► Seremban

Aktiviti ternakan khinzir dan katak dipercayai punca pencemaran sungai di Kampung Baru Site C, Port Dickson, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata penemuan itu berdasarkan siasatan dan peme-



kandungannya," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam. Veerapan berkata, pemeriksaan lanjut berhampiran sungai itu mendapati terdapat aktiviti ternakan dan ternakan pematangan khinzir dan ternakan katak.

"Siasatan mendapati, pencemaran sungai ini mungkin disebabkan oleh aktiviti ternakan khinzir dan katak berdasarkan kesan lemak dan enap cemar berminyak terbabit.

"Bagaimanapun, aktiviti terna-

[FOTO IHSAN JAS/BH]



Sungai Machang, Lenggeng, Nilai terancam akibat kesan lemak dan enap cemar berminyak. Gambar kiri, Veerapan.

kan dan membelikan bukan di bawah bidang kuasa JAS dan kita menyerahkan kes kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk tindakan lanjut," katanya.

Dalam kes berasingan, Veerapan berkata, JAS turut menerima aduan pencemaran Sungai Machang, Lenggeng di Nilai, akibat daripada aktiviti pengorekan pasir di hulu sungai.

Katanya, JAS mendapati premis itu gagal menyediakan kawalan hakisan dan kelodak seperti disyor-

kan dalam surat JAS terdahulu.

"Siasatan mendapati air cucian pasir daratan terus keluar ke Sungai Machang Ulu tanpa sebarang kolam mendapani. Keadaan air sungai adalah keruh dan tercemar dengan air cucian pasir.

"JAS mengambil bacaan insitu di Sungai Machang Ulu dan Sungai Lenggeng serta mendapati bacaan kekeruhan di kedua-dua sungai itu adalah tinggi berpuca daripada air cucian aktiviti pengorekan pasir," katanya.

CHEMICAL ANALYSIS

EXCO: P.D. RIVER POLLUTED BY PIG, FROG FARMING



S. Veerapan

Water samples taken from Kg C's river show traces of fat and sludge

NUR AQIDAH AZIZI
SEREMBAN
nur@nst.com.my

PIG and frog farming activities are believed to be the cause of river pollution in Kampung C, Port Dickson.

Negri Sembilan Health, Environment, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan said based on complaints lodged by villagers on March 31, the cause of pollution was believed to be an oily sludge discharged into the river.

"The state Department of Environment (DoE) dispatched its enforcement team to the location on the same day upon receiving the complaints, to carry out an investigation.

"DoE officials took water samples from the river," he said in a statement here yesterday.

He said samples had also been sent to the Chemistry Department.

"Further investigations found that the likely cause of pollution was due to frog farming and pig slaughtering activities based on traces of fat and sludge found in the river.

"However, the pig slaughtering and frog farming are under the jurisdiction of the Veterinary Department and not the DoE."

He said DoE would wait for the



The murky water of Sungai Machang caused by sand dredging activities. (Inset) Water samples of Sungai Machang taken by Negri Sembilan Department of Environment. PIX COURTESY OF DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

full report of the chemical analysis before taking action.

"We will forward our findings to the Veterinary Department for action."

Meanwhile, on the pollution of Sungai Lenggeng, Veerapan said an inspection conducted by the DoE on April 7 found that the pollution occurred at a creek known as Sungai Machang.

"Investigations found that the pollution was caused by Sungai Machang, which flows into Sungai Lenggeng.

"The water is murky and the DoE found that sand dredging activities are taking place on the upper part of Sungai Machang on a 16.67ha land.

"The (sand dredging) operator had received a permit from the

Seremban District and Land Office and DoE is reviewing the matter.

"The activities are not subject to the Sand Mining Activities, Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Regulations 2015 and Environmental Quality Act 1974.

"They come under the super-

vision of the Land and Mines Office."

Veerapan said the DoE found that the sand-dredging operator had failed to provide erosion and corrosion controls as recommended in the department's review letter.

"DoE had submitted a letter to the relevant agencies for action," he said.

Veterinary Dept looking into cause of river pollution

By SARBAN SINGH
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: The Veterinary Services Department is investigating whether illegal pig and frog farming activities are polluting a river in Port Dickson's Site C New Village.

It is learnt that pig farming was still being carried out in the area although it was banned following the outbreak of the Nipah virus about 20 years ago.

State Department of Environment (DoE) officers started the probe after getting complaints from residents on March 31, said Negri Sembilan Health, Environment, Cooperatives and Consumerism Committee chairman S. Veerapan.

"The residents thought that the oily river surface were due to effluents discharged from a premises where 24,183 barrels containing maintenance work waste of a refinery located nearby had been stored.

"However preliminary investigations revealed there was no oily substance in the river," he said, adding that the samples have been sent to the Chemistry Department for testing.

"The DoE team decided to conduct more checks along the river and they then found what is believed to be animal fats and other oily waste. These were probably from pig slaughtering and frog farming activities," he said adding that the Veterinary Services Department was now handling the matter.

State DoE director Norhazni Mat Sari had recently confirmed the presence of E.coli in the river caused by animal farms upstream.

She told *The Star* that the presence of algal bloom in the water was a sign of nutrients coming from animal waste.

Fishermen along the Negri Sembilan-Selangor border had also complained of dwindling catch caused by the river pollution and lashed out at the authorities for their inaction.

Separately, Veerapan said the authorities also found ink waste and other unidentified scheduled waste after receiving a report of open burning activities at a transport yard in Kg Kebun Jimah in Port Dickson on April 17.

He said a DoE team found the ink waste in 89 tanks and 18 bags.

"They also found unidentified substances stored in 12 tanks and three jumbo bags in a lorry parked at the yard.

"We feel that the containers had been deliberately painted in red to prevent the authorities from knowing what its contents were," he said adding that the authorities were also investigating what was burnt at the premises.

Veerapan said the DoE then issued an order to the management to clean up the yard within five days and that all other activities at the premises be stopped.

Checks were also conducted at several premises here, Melaka and Selangor where the waste was believed to have originated from.

He said an investigation paper has been opened under the Environment Quality Act 1974.

Headline	Mazlan: Dissatisfaction is temporary		
MediaTitle	China Press (East Coast)		
Date	14 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	10,592
Page No	C3	Readership	31,776
Language	Chinese	ArticleSize	416 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,698
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,094



■美律谷垦殖民热烈欢迎敦达因（前右5）到访。

（文冬13日讯）农民组织机构（Lembaga Pertubuhan Peladang）主席玛兹兰说，最近农民组织对农民组织修正条例（Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019）感到不满，但相信只是暂时性的。

他说，该修正条例是农业转型的一部份，该局乐意聆听各地农民组织会员的意见，以执行农业改革及转型计划。

政府在2019年4月22日在宪报上公布农民组织修正条例，限定所有农民组织的12名理事会成员中，7名从出席大会中选出，另外5人由部长委任，委任理事中包括1名青年农民与1名妇女代表。

国内多个农民组织，包括吉兰丹的组织对此修正条例表达了不满并在昨天举行抗议请愿行动。

玛兹兰昨午在美律谷出现一项关怀社区活动与分发树苗仪式后讲话。在这之

農民組織反對修正條例 瑪茲蘭：不滿是暫時性



■玛兹兰（右）配合新推介的香草计划，率先在美律谷种植香草。

前，该机构也接待前资政理事会主席敦达因到访。

他说，除了加强各地区农业发展，包括推动种植多元化计划以外，该机构也根据政付指示，推动组织上的改革。

他说，国内农民组织对政府最近颁布的农民组织修正条例有所不满，是可以理解的。

他说，他与农业部及数组织，如NAFAS和PPK等将继续商讨该课题，并将在3个月时间内向各地农民组织进行讲解，在这期间也接受各地组织提交备忘录以表达看法。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Musang King, vanila alternatif tampung kejatuhan nilai sawit

KUALA LUMPUR 13 Mei - Inisiatif kerajaan untuk melaksanakan penanaman durian Musang King dan vanila di tanah rancangan Felda dilihat sebagai alternatif mengatasi masalah kejatuhan harga produk sawit.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, hal itu kerana kedua-dua hasil tanaman tersebut mempunyai permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

"Misalnya hasil tanaman Musang King yang mendapat permintaan tinggi dari China. Harganya juga amat tinggi dan sentiasa meningkat setiap tahun mengikut musim.

"Kesukaran untuk mendapatkan vanila asli pula menyebabkan tanaman itu mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Kebanyakan pengguna terpaksa menggunakan vanila sintetik dan ini mungkin boleh menjadi peluang kepada warga Felda untuk mengusahakan tanaman ini," katanya kepada

Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman memaklumkan tiga produk pertanian iaitu Musang King, vanila dan halia Bentong dipilih untuk ditanam di Felda Lurah Bilut sebagai sumber pendapatan kedua warga pene-roka di sana.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berpendapat kerajaan perlu memastikan sistem pengurusan tanaman pertanian yang baharu itu cekap dan berkesan bagi memastikan hasil keluarannya mampu memenuhi per-

mintaan pasaran.

Katanya, pengurusan yang cekap juga mampu memastikan kualiti hasil tanaman terjamin selain mengelakkan ketidakcekan serta pembaziran berlaku.

"Walaupun tanaman ini masih belum mampu menggantikan sawit sebagai penyumbang ekonomi utama dalam negara tetapi ia boleh dijadikan alternatif untuk menambah pendapatan warga Felda ketika ini," katanya.



**AHMED RAZMAN
ABDULLATIFF**

Tanah terbiar perlu reformasi

IMPORT makanan negara termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan dilaporkan mencecah puluhan bilion ringgit setahun dilihat sebagai tidak wajar jika mengambil kira keluasan tanah yang boleh diusahakan untuk tujuan pertanian tetapi tinggal terbiar. Sebagai contoh untuk tahun 2015, import makanan adalah sekitar RM45 bilion. Import buah-buahan serta sayur-sayuran pada 2018, menurut perangkaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah RM8.5 bilion berbanding RM8.9 bilion pada 2017.

Kebergantungan kepada sumber makanan import terutama dari China, Thailand, Australia, India dan Afrika menyebabkan kita akan terperangkap dengan kenaikan harga makanan yang diimport yang sudah tentunya menyebabkan rakyat dibebani harga yang tinggi. Hakikatnya, memang banyak tanah yang dibiarkan ditumbuhi semak dan belukar, tidak diusahakan atau dioptimumkan penggunaannya bagi tujuan menghasilkan keluaran pertanian.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Azima Abdul Manaf dalam kajian ijazah kedoktorannya pada 2006 yang meliputi Kuala Pilah, Negeri Sembilan mendedahkan terdapat 564 hektar tanah terbiar di daerah itu.

Beliau menggariskan banyak punca berlakunya tanah pertanian terbiar di kawasan yang dikaji itu. Antaranya faktor undang-undang pemilikan, kepemilikan tanah yang bertindih, kekurangan pekerja untuk mengerjakan tanah pertanian, sikap penduduk yang lebih gemar bekerja di luar sektor pertanian dan usia tua.

Justeru, tindakan semua pihak amat diperlukan bagi mengatasi kemelut tanah terbiar ini agar dapat membantu kerajaan mengurangkan import makanan dan seterusnya boleh menjadikan kita menjadi negara pengeksport makanan.

Statistik Jabatan Perta-

Menjengah Minda
Bersama FIRDAUS HASSAN (Bernama)

nian pada 2014 menunjukkan tidak kurang 119,273 hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tidak diusahakan dan terbiar di seluruh negara. Di Semenanjung Malaysia sahaja dilaporkan lebih kurang 117,198 hektar tanah terbiar. Pahang mempunyai tanah terbiar paling luas kira-kira

34,293.27 hektar, diikuti Johor, 17,855 hektar, Perak, 14,507 hektar; Terengganu, 12,309 hektar dan Negeri Sembilan, 10,309 hektar.

Antara keluasan tanah terbiar melibatkan Tanah Rizab Melayu, Tanah Adat, Tanah Pegaungan Melayu dan Tanah Wakaf.

Jabatan Geosains pula menyatakan terdapat kira-kira 73,000 hektar tanah bekas lombong di seluruh negara yang belum diusahakan dengan kemajuan sepenuhnya.

Menurut Yayasan Waqaf Negara pula, pada tahun 2016, terdapat 24,000 hektar atau 80 peratus tanah wakaf di seluruh negara yang masih belum dimajukan sepenuhnya.

Justeru, sudah sampai masa usaha secara bersepadu perlu dijalankan untuk mencari jalan keluar terhadap masalah ini. Walaupun tanah yang luas tidak menjamin da-

pat meningkatkan keluaran hasil pertanian namun keluasan tanah merupakan salah satu faktor yang menjadi prasyarat untuk memajukan kegiatan pertanian secara komersial, bersepadu dan ekonomi-berkala besar," kata pakar ekonomi tanah Universiti Tun Hussein Onn, Prof. Dr. Ismail Omar.

Tanah yang dikategorikan sebagai tanah terbiar adalah tanah bermilik khususnya tanah pertanian yang berkeluasan minimum 0.4 hektar atau lebih yang tidak diusahakan dalam tempoh tiga tahun.

Menurut Ismail, Seksyen 115 Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan pihak kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian boleh mengambil tindakan merampas tanah sekiranya pemilik berdaftar tidak mengusahakan tanah berkenaan seperti yang disyaratkan dalam tempoh yang dinyatakan. Begitu juga dengan syarat-syarat nyata seperti yang tertera pada dokumen hak milik.

Menurut Ismail, walaupun ada usaha yang dilakukan untuk menangani isu tanah sama ada di pihak kerajaan, pemilik tanah dan pengusaha tetapi ia masih agak perlahan.

Justeru, konsep Buku Hijau, sahabat tanah dan sebagainya perlu dikemukakan semula.

"Apalah salahnya menghidangkan air kelapa muda di hotel 5 bintang?" tanya beliau.

Isu utama yang berlaku bukan sekadar keadaan fizikal tanah yang terbiar tetapi produktiviti yang tidak dapat diserlahkan pada tahap yang tertinggi dan terbaik daripada tanah yang berpotensi tersebut.

Navy intercepts Viet fishing trawler

KUANTAN: The Royal Malaysian Navy (RMN) arrested 14 Vietnamese fishermen after a high sea chase. The fishermen were cornered about 130 nautical miles northeast of Kemaman.

The men on the fishing trawler, aged between 20 and 40, were trawling in Malaysian waters when the RMN's *KD Pahang* detected it.

The vessel's commanding officer Kdr Mehamad Khairun-Zakaria said the boat was from Vietnam and had intruded into the country's waters to fish without permission.

Naval Region 1 strategic communications division said in a statement that the boat and fishermen had been handed over to the Malaysian Maritime Enforcement Agency for further action.



Under arrest:
Navy personnel
boarding the
Vietnamese
fishing boat.